Cadangan rumah sewa pelajar pada harga terkawal bergantung kewangan universiti

Oleh BERITA RTM -Oktober 26, 2026 @ 07:27 Pm



KUALA LUMPUR – Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyambut baik cadangan penyediaan rumah sewa pelajar pada kadar harga terkawal bagi memenuhi keperluan penginapan mahasiswa, namun pelaksanaannya diserahkan kepada budi bicara serta kedudukan kewangan semasa institusi berkenaan. Menurut Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr. Zambry Abd Kadir, keutamaan bagi penempatan di dalam kampus kekal diberikan kepada mahasiswa B40, Orang Kurang Upaya (OKU), atlet, dan pelajar unit beruniform, manakala KPT sedia bertindak sebagai pemudah cara sekiranya timbul aduan berkaitan tempat tinggal

Dalam pada itu, KPT turut menggesa mahasiswa yang menyewa di luar kampus agar memaklumkan lokasi kediaman mereka kepada pihak universiti bagi memudahkan pemantauan keselamatan. Beliau menjelaskan bahawa tindakan sesetengah pelajar yang menguruskan penyewaan sendiri tanpa makluman menyukarkan pihak universiti memantau keberadaan mereka.

https://www.astroawani.com/video/kpt-mahu-mahasiswa-hayati-agenda-planetary-health